

## WARTA 12 - 1999



M A L A Y S I A

# Warta Kerajaan SERI PADUKA BAGINDA DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 43  
No. 17

---

26 Ogos 1999

TAMBAHAN No. 45  
PERUNDANGAN (B)

---

P.U. (B) 303.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, menurut subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], selepas dibincangkan, dan adalah disiarkan menurut subseksyen itu.

## [Kedudukan Harta Seseorang Muallaf<sup>1</sup> Yang Telah Meninggal Dunia]

1. Apabila seseorang Muallaf meninggal dunia tanpa meninggalkan waris maka hartanya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.



*Harta mualaf yang meninggal dunia tanpa waris perlu diberikan kepada Baitulmal.*

2. Apabila seseorang Muallaf meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang beragama Islam maka hartanya hendaklah dibahagikan mengikut sistem pembahagian faraid<sup>2</sup>.
3. Apabila seseorang Muallaf meninggal dunia dengan meninggalkan waris-waris yang tidak beragama Islam maka waris-waris yang tidak beragama Islam tidak berhak mewarisi harta si mati.<sup>3</sup>

Bertarikh pada 20hb Ogos 1999  
[JAWI/A/145; PN. (PU<sup>2</sup>) 530/II.]

**DATO' HJ. MD. HASHIM BIN YAHYA,**

*Mufti,*

*Wilayah-Wilayah Persekutuan*

<sup>1</sup> Menurut Syeikh al-Maraghi, 'al-muallafah qulubuhum' bermaksud orang yang dikehendaki supaya hatinya cenderung atau tetap dengan Islam. (Lihat *Tafsir al-Maraghi*, 5/2803)

<sup>2</sup> Pembahagian mengikut sistem faraid bermaksud pembahagian mengikut bahagian yang ditetapkan oleh syara' kepada pewaris. (Lihat *al-Fiqh al-Manhaji*, 5/68)

<sup>3</sup> Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Usama bin Zaid R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يرثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرُ، وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

**Maksudnya:** "Seorang Muslim tidak boleh mewarisi pusaka orang kafir dan seorang kafir tidak boleh mewarisi pusaka seorang Muslim."

Riwayat al-Bukhari (6764) dan Muslim (4116)